Pernyataan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (MPS) dan Standard bawah Seksyen 29(1) Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 (APKI) dan Seksyen 33E(1) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 (AIKP) tentang Perlindungan Insurans Korporat oleh Institusi Kewangan Islam

Bahagian I: Pernyataan MPS menurut seksyen 52(1)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009

MPS dalam mesyuarat yang ke-249 bertarikh 24 Julai 2025 telah menetapkan bahawa parameter yang berikut hendaklah dipatuhi oleh Institusi Kewangan Islam (IKI) apabila mendapatkan perlindungan insurans korporat:

1. Menurut prinsip umum, IKI hanya dibenarkan untuk menggunakan produk konvensional sekiranya terdapat kesukaran nyata yang memenuhi prasyarat dan parameter seperti yang digariskan dalam Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah*.[1]

2. IKI dibenarkan untuk mendapatkan perlindungan insurans bagi tujuan melindungi risiko korporat, tertakluk pada pematuhan parameter spesifik yang berikut:

   (i) Usaha yang sewajarnya telah diambil untuk memastikan tidak ada pengendali takaful yang mampu, bersedia atau mempunyai kapasiti untuk menaja jamin (*underwrite*) risiko tertentu bagi setiap kelas perniagaan yang memerlukan perlindungan;

   (ii) Usaha yang sewajarnya telah diambil oleh IKI untuk mendapatkan pengaturan yang mematuhi Syariah dengan syarikat induk atau kumpulan, namun disahkan oleh IKI sebagai tidak praktikal untuk dilaksanakan; dan

   (iii) Harga insurans hendaklah jauh lebih rendah berbanding dengan harga takaful, walau bagaimanapun:

      (a) Harga insurans sahaja tidak boleh dijadikan satu-satunya alasan untuk mendapatkan perlindungan insurans berbanding takaful; dan

      (b) Jawatankuasa Syariah IKI hendaklah meneliti dan membuat pertimbangan yang sewajarnya terhadap kesesuaian harga takaful yang ditawarkan oleh pengendali takaful.

MPS turut memutuskan bahawa penggunaan perlindungan insurans korporat untuk melindungi risiko IKI dalam situasi yang dinyatakan di atas, dikategorikan sebagai *hajah type 2* menurut Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah*.

[1] Dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia pada 3 Januari 2024 (BNM/RH/PD 028-129).

Bahagian II: Peruntukan Undang-Undang dan Pemakaiannya

2.1 Bahagian 1 Pernyataan MPS dibuat menurut seksyen 52(1)(a) dan seksyen 55(2)(a) Akta Bank Negara Malaysia 2009 (ABNM).

2.2 Bank Negara Malaysia menetapkan bahagian 1 Pernyataan MPS sebagai standard bawah seksyen 29(1) APKI dan seksyen 33E(1) AIKP, berkuat kuasa 2 Januari 2026, dan terpakai pada IKI yang berikut:

(i) bank Islam berlesen bawah APKI;
(ii) pengendali takaful berlesen bawah APKI termasuk pengendali takaful semula profesional;
(iii) bank berlesen dan bank pelaburan berlesen yang diluluskan bawah seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 (APK) untuk menjalankan perniagaan perbankan Islam; dan
(iv) institusi yang ditetapkan dan diluluskan bawah seksyen 33B(1) AIKP untuk menjalankan perniagaan kewangan Islam.

Bahagian III: Latar Belakang

3.1 Perlindungan insurans atau takaful korporat bermaksud rangkaian produk insurans atau takaful yang melindungi syarikat korporat daripada pelbagai risiko, dan IKI mengambilnya sebagai sebahagian daripada pengurusan risiko institusi. Liputan perlindungan ini merangkumi jenayah komersial, liabiliti yang ditanggung pengarah dan pegawai serta keselamatan siber.

3.2 Dalam konteks kumpulan kewangan, perlindungan insurans atau takaful korporat secara menyeluruh lazimnya diperoleh pada peringkat induk atau kumpulan untuk perlindungan semua anak syarikatnya. Walaupun IKI telah berusaha untuk mendapatkan perlindungan takaful secara kendiri (*stand-alone*), IKI telah mengesahkan bahawa pendekatan tersebut adalah tidak praktikal, tidak tersedia, perlindungan yang tidak mencukupi atau menyebabkan kos tambahan.

3.3 MPS berpandangan bahawa terdapat keperluan untuk menetapkan parameter yang perlu dipatuhi oleh IKI dalam menentukan keharusan perlindungan insurans korporat, dengan mengambil kira penawaran pasaran takaful bagi setiap kelas perniagaan bawah perlindungan takaful korporat.

Isu Syariah

3.4 MPS telah mempertimbangkan tentang keperluan untuk memberikan kejelasan Syariah berhubung dengan situasi yang membolehkan IKI mendapatkan perlindungan insurans korporat setelah segala usaha untuk mendapatkan perlindungan takaful telah dilaksanakan oleh IKI dan kesesuaian pengelasan penggunaan keperluan ini sebagai *hajah type 2* berdasarkan Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah*. MPS turut membincangkan sama ada faktor perbezaan harga antara produk takaful dengan

insurans boleh dijadikan pertimbangan yang sah untuk menggunakan *hajah,* dengan syarat faktor tersebut bukan satu-satunya justifikasi yang digunakan.

Bahagian IV: Perbincangan Utama

4.1 Secara prinsip, IKI perlu memastikan semua pengendalian, hal ehwal dan aktiviti yang dijalankan adalah patuh Syariah pada setiap masa. Hal ini termasuklah perolehan perlindungan takaful bagi dedahan risiko korporat, sebagai sebahagian daripada tanggungjawab IKI untuk menegakkan prinsip Syariah dalam pengurusan risiko.

4.2 Namun begitu, kesukaran mungkin timbul apabila perlindungan takaful tidak tersedia, tidak mencukupi atau tidak memadai untuk melindungi IKI sepenuhnya daripada risiko korporat yang dihadapi. Dalam keadaan sedemikian, IKI dibenarkan untuk mendapatkan perlindungan insurans atas dasar keperluan (*hajah*), setelah segala usaha untuk mendapatkan penyelesaian patuh Syariah bagi setiap kelas perniagaan bawah perlindungan insurans atau takaful korporat telah dilaksanakan. Hal ini juga termasuk aktiviti perolehan yang diuruskan pada peringkat kumpulan.

4.3 Apabila membuat penilaian terhadap perbezaan harga antara perlindungan insurans korporat dengan takaful korporat yang ditawarkan oleh pengendali takaful, IKI perlu menjadikan tahap kecukupan perlindungan yang ditawarkan sebagai pertimbangan utama. Oleh itu, faktor harga dan kesannya terhadap keuntungan IKI tidak seharusnya menjadi satu-satunya asas dalam proses membuat keputusan. IKI juga perlu membincangkan kemampuan untuk menanggung harga perlindungan takaful yang lebih tinggi. IKI hendaklah menyokong keputusan tersebut dengan bukti pasaran bagi memastikan perbincangan yang teliti dan menyeluruh dalam mesyuarat Jawatankuasa Syariah.

Bahagian V: Asas Pertimbangan Pernyataan MPS

Prinsip bagi memenuhi tuntutan Syariah berdasarkan keupayaan dan usaha terbaik (al-Istito`ah)

5.1 Secara prinsip, tuntutan Syariah hendaklah dipenuhi oleh sesuatu pihak berdasarkan keupayaan dan usaha terbaik yang mampu dilakukan serta ketersediaan sumber. Dalam konteks ini, IKI hanya dibenarkan untuk mendapatkan perlindungan insurans selepas segala usaha untuk mendapatkan perlindungan takaful telah dilaksanakan dengan sewajarnya. Hal ini termasuk membuat pengesahan terhadap ketidakmampuan atau keengganan pengendali takaful untuk menerima risiko, serta penilaian terhadap tahap praktikal pengaturan patuh Syariah pada peringkat kumpulan. Konsep ini adalah selaras dengan hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah `Abd al-Rahman bin Sakhr yang berikut:

ما نهيتكم عنه فاجتنبوه، وما أمرتكم به فأتوا منه ما استطعتم

"*Apa yang aku larang, maka jauhilah ia. Dan apa yang aku perintahkan, lakukanlah mengikut kemampuan kamu.*" [Sahih al-Bukhari: 7288]

5.2 Prinsip ini turut disokong oleh kaedah fikah yang menyatakan bahawa seseorang yang tidak mampu melaksanakan keseluruhan perintah, masih wajib melaksanakan sebahagian yang mampu tanpa mengabaikan keseluruhannya:

من عجز عن بعض المأمور لا يسقط عنه المقدور [2]

"Sesiapa yang tidak mampu melaksanakan sebahagian daripada perkara yang diperintahkan, maka kewajipan terhadap perkara yang mampu tidak gugur."

Konsep Hajah perlu dilaksanakan secara berkadaran

5.3 MPS membenarkan penggunaan insurans untuk melindungi risiko korporat dalam keadaan tertentu sahaja, seperti yang diperincikan dalam Pernyataan MPS ini. Kelonggaran ini hendaklah dilaksanakan secara terkawal dan tidak boleh diperluas melebihi keadaan yang benar-benar sukar. Dalam situasi sedemikian, IKI perlu mengutamakan perlindungan takaful selagi tersedia dan ditawarkan oleh pengendali takaful bagi setiap kelas perniagaan, dan hanya boleh beralih kepada insurans apabila takaful tidak tersedia, tidak mencukupi atau tidak memadai. Selain itu, penggunaan insurans tidak boleh dijustifikasikan semata-mata atas alasan untuk memudahkan perniagaan seperti mengekalkan hubungan perniagaan sedia ada atau menguruskan risiko keuntungan IKI. Pendekatan ini adalah selaras dengan kaedah fikah yang berikut:

الضرورة تقدر بقدرها [3]

"*Keperluan (darurat) hendaklah dinilai dan diurus mengikut kadar yang sewajarnya*."

Bahagian VI: Implikasi Pernyataan MPS

6.1 Pernyataan MPS ini memberikan kejelasan berhubung dengan pelaksanaan dan pengelasan *hajah* untuk IKI mendapatkan perlindungan insurans bagi tujuan pengurusan risiko korporat. Penjelasan ini juga dikeluarkan sebagai maklum balas terhadap pemakluman yang diterima daripada IKI berkaitan *hajah type 2* bawah Dokumen Dasar *Hajah* dan *Darurah* yang belum mempunyai Pernyataan MPS.

6.2 Bagi mengelakkan keraguan, Pernyataan MPS ini hanya terpakai dalam konteks perlindungan insurans korporat. Bagi sebarang aplikasi *hajah* berhubung dengan penggunaan lain untuk produk konvensional yang belum mempunyai Pernyataan MPS, IKI hendaklah menghantar pemakluman dan rujukan kepada MPS secara rasmi.

[2] Al- 'Izz Abd al-Salam, *Qawaid al-Ahkam fi Masalih al-Anam*, m.s. 5.
[3] Ibn Nujaim, *Al-Ashbah wa Al-Naza'ir*, Dar Al-Kutub Al-`Ilmiyyah, 1999, m.s. 73.